

Kejayaan Proton usaha semua pihak

10 JUL 1990

KUALA LUMPUR, Isnin — Kejayaan Proton Saga bukan disebabkan oleh perlindungan cukai kerajaan, sebaliknya ia adalah usaha semua pihak di negara ini untuk menghasilkan kereta nasional, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau menolak dakwaan pengkritik Proton Saga yang membuat pelbagai kritikan tidak berasas semata-mata mereka ingin mencari kesalahan tanpa memeriksa dengan teliti kejayaan sebenar usaha itu.

"Walaupun kita maju dalam bidang industri pengeluaran kereta, walaupun kita sudah untung sehingga tidak ada satu sen pun yang terhutang, walaupun mutu kereta Malaysia setaraf dengan kereta negara maju dan diterima untuk eksport, namun mereka yang mengkritik kereta nasional ini masih tidak puas hati untuk memperkecilkan kejayaan Proton," katanya.

Berucap merasmikan majlis jamuan Ulang Tahun Kelima Pengeluaran Komersil Proton Saga di sini, malam ini, Perdana Menteri berkata, pengkritik kereta nasional mendakwa kejayaannya adalah disebabkan perlindungan tarif atau cukai oleh kerajaan.

"Sebenarnya, semua kereta yang dipasang di Malaysia hanya untung kerana tidak membayar cukai. Tanpa bantuan atau subsidi kerajaan, semua kilang pemasangan kereta di Malaysia akan rugi dan ditutup.

"Cukai yang tidak dibayar ialah cukai terhadap barangan import. Jika barangan ini dibuat di Malaysia, duti import tidak dikenakan. Ini bermakna lebih banyak barang tempatan digunakan oleh Proton, nilai cukai yang dikecualikan terhadap komponen importnya akan kurang," katanya.

Oleh kerana komponen import Proton hanya 35 peratus,

beliau menjelaskan, pengecualian terhadap Proton sudahpun diturunkan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, sudah tentu Proton akan lebih untung jika ia mengimport komponen dalam peraturan yang lebih tinggi kerana penggunaan bahan tempatan akan membebani pengeluaran Proton.

Bagaimanapun, katanya, Proton lebih mengutamakan dasar perindustrian negara.

Beliau berkata, cukai yang dikecualikan bagi Proton hanyalah \$5,000 sedangkan perbezaan harga jualan antara Proton dan kereta lain yang dipasang di Malaysia yang hampir sama saiz enjin ialah di antara \$14,000 dan \$23,000.

"Jelaslah pengecualian cukai yang diberikan bukan penting untuk menentukan Proton untung tetapi ia adalah sebagai subsidi kepada pembeli. Perlindungan industri kereta oleh kerajaan adalah amalan biasa semua kerajaan di dunia ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, penjualan laris Proton di Bri-

tain yang juga pasaran kedua terbesarnya bukan disebabkan oleh Sistem Keutamaan Am (GSP) Britain, tetapi ia disebabkan oleh kesanggupan rakyat negara itu membelinya.

"Di Singapura, pasaran ketiga Proton, tidak ada apa-apa perlindungan yang diberikan kepada Proton oleh kerajaan Singapura. Tetapi Proton berjaya menjual lebih 1,000 unit dengan harga hampir sekali ganda daripada harga di Malaysia," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, golongan pengkritik Malaysia sentiasa mencari kesalahan negara, sebaliknya mereka mengagung-agungkan kejayaan sebesar 'hama' sekalipun jika ia dilakukan oleh negara Barat.

"Sebab itu apabila dimaklumkan bahawa pencemar alam yang paling besar di dunia ialah Amerika Syarikat, mereka tidak sebut hal ini sama sekali tetapi terus memburukkan Malaysia — negara membangun yang sanggup membantu dunia kaya untuk membersihkan alam sekitar," katanya.

Perdana Menteri berkata, Proton yang akan mengeluarkan 85,680 unit kereta yang bernilai hampir \$2,000 juta tahun ini, turut mencatatkan keuntungan \$159 juta dengan penjualan bernilai \$1,400 juta pada tahun kewangan 1989/90.

Menurutnya, industri automobil milik negara, iaitu Proton dan Edaran Otomobil Nasional (EON), berjaya menghasilkan jumlah dagangan \$2,450 juta dengan keuntungan \$214 juta bagi 1989/90 yang memberi sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Katanya, rancangan Proton yang sedang dilaksanakan ialah pembinaan kilang membuat enjin yang berharga kira-kira \$100 juta yang akan mengeluarkan 120,000 hingga 150,000 enjin setahun.